



## "DOA; AMALAN ORANG BERIMAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ  
أَجِيبُ دَعْوَةَ الْدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلَيَسْتَجِيبُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا  
بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ

ص ١٨٦

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْ صِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan beriltizam di atas



jalan-Nya (agama-Nya) dan mengelakkan diri dari terpesong dari jalan yang lurus ini.

Khutbah pada minggu ini menjelaskan kepada kita satu tajuk yang menarik iaitu "**DOA; AMALAN ORANG BERIMAN**".

### Sidang Jumaat sekalian,

Pada awal tahun baru masihi 2015, negara kita di Pantai Timur khasnya berhadapan dengan musibah yang sangat besar, yang tidak terjangkau oleh pemikiran kebanyakan daripada kita. Hampir seluruh Jajahan di negeri Kelantan telah ditenggelami banjir yang luar biasa, termasuklah di beberapa daerah di negeri Pahang, Terengganu, Perak dan Perlis. Kawasan kediaman musnah, beberapa tempat ditenggelami air sehingga lebih 30 meter, banyak rumah yang roboh, tidak kurang pula yang musnah dan dihanyutkan air, kenderaan pula banyak yang rosak, banyak binatang ternakan mati, tanaman habis musnah, dan berbagai lagi kerosakan dan kemusnahan yang berlaku. Ia bagaikan mini tsunami yang kita tidak terfikir bagaimana banjir sehebat ini boleh berlaku dalam negara kita.

Dalam berhadapan dengan musibah yang besar ini, kita dikehendaki untuk :

1. Berhadapan dengan hati yang penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT,
2. Meninggalkan hati yang penuh sangsi dan mengantikannya dengan sifat percayakan keadilan Allah SWT,



3. Membuang jauh-jauh lintasan yang datang dalam benak fikiran kita dan bisikan syaitan yang menghasut bahawa Allah telah menzalimi dan tidak berlaku adil terhadap hamba-hamba-Nya.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Sesungguhnya antara hikmah kedatangan musibah yang sangat besar ini selain ia merupakan ujian kepada orang-orang yang beriman, ia juga bertujuan untuk menundukkan keegoan manusia yang membesar dirinya setelah dia dapat mencapai kejayaan dalam kehidupan dan pencapaian kemajuan sains dan teknologi yang hebat, setelah dia mengecapi kekayaan yang melimpah ruah. Akhirnya, terdetik dihatinya bahawa dia boleh lakukan apa sahaja, kerana mempunyai wang yang banyak, pangkat yang besar, bahkan segala-segalanya berada dibawah kekuasaannya. Semuanya ini boleh membenihkan rasa besar diri, ego dan sombong untuk tunduk kepada Allah, merasa susah untuk mengerjakan solat, rasa berat untuk puasa, terlalu kedekut untuk menghulurkan derma, tangannya sentiasa berat untuk diangkat berdoa. Lebih dari itu lagi, ia sering mengingkari peraturan dan hukum hakam Allah SWT.

Sebenarnya, musibah ini mengajar kita bahawa manusia itu tidak kuat, tidak hebat dan tidak berupaya melawan kekuasaan Allah. Tiada siapa terfikir bandar Temerloh boleh tenggelam, Bandar Lama Gua Musang boleh tenggelam, bandar Kuala Krai boleh tenggelam, denggi yang semakin parah, tetapi dengan kekuasaan Allah, semuanya ini telah berlaku di hadapan mata kita sendiri.

Musibah ini perlu dipandang secara positif untuk meruntuhkan kesombongan dan keegoan manusia, bahawa semua pencapaian dan kejayaan yang diperolehi itu adalah dengan kehendak dan kuasa Allah.



Manusia perlu akur bahawa semua usaha dan perancangan manusia adalah sebab musabab sahaja kerana Allah lah yang menjayakan perancangan itu, Allah yang menjadikan kita kaya, Allah yang menjadikan kita pandai dan Allah menjadikan kita berjaya. Betapa ramai manusia yang turut berusaha dan memerah keringat, malahan lebih hebat dari kita, tetapi mereka kurang bernasib baik dan tidak berjaya seperti mana kita. Justeru, musibah ini patut menjadi ruang untuk muhasabah diri dan mengingatkan bahawa dirinya terlalu kerdil di hadapan Allah serta menyedari bahawa dunia ini hanyalah pinjaman semata-mata.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Berdoa merupakan salah satu cara bagi melahirkan rasa rendah diri, ketundukan, kepatuhan dan menaruh harapan kepada Allah. Ia boleh membuang sifat bongkak, sompong dan ego dengan perintah Allah. Orang yang sentiasa berdoa ialah orang yang sentiasa positif dengan Allah kerana dia berasa kejayaan dan pencapaian hebat yang dia perolehi itu bukan dengan kehendaknya, bukan dengan usahanya, bukan dengan kehebatan ideanya, bukan dengan kekuatan perancangannya, tetapi semua itu dengan kehendak dan kekuasaan Allah.

Doa adalah merupakan intipati kepada ibadat, kerana tujuan ibadat ialah untuk melahirkan manusia yang sentiasa menaruh harap kepada Allah dan sentiasa mempunyai sifat tawakkal serta merendah diri dengan Allah. Inilah juga intipati dari pengertian "solat" pada sudut bahasa iaitu "doa". Malah semua ibadat mengandungi doa. Dalam solat, puasa, zakat dan haji semuanya ada doa.

Hadis daripada Anas B. Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:



## الدُّعَاءُ مَخْلُوقُ الْعِبَادَةِ

"Doa adalah otak kepada ibadat".

(Riwayat at-Tirmizi).

### Sidang Jumaat sekalian,

Mungkin ada yang bertanya, kenapakah kita masih berdoa? Bukankah Allah maha mengetahui, Dia maha mendengar dan maha melihat. Sudah tentu Allah tahu bahawa keadaan kita yang susah, sakit, miskin, ditimpa musibah dan sebagainya. Kalau begitu, Allah terus sahaja membantu, tanpa kita perlu berdoa dan mengadu lagi kepada-Nya.

Ini pandangan yang salah. Sebenarnya, kita berdoa kepada Allah bukan sebab kita miskin, atau sakit, atau susah, atau ketika ditimpa musibah. Bukan juga disebabkan Allah tidak tahu, sebaliknya Allah yang memberi semua ujian dan musibah itu.

Sesungguhnya, tujuan kita berdoa ialah untuk menunjukkan perhambaan kita kepada Allah. Kalaulah doa itu sebab kita susah, maka orang kaya dan orang sihat tidak lagi perlu untuk berdoa. Sepatutnya, semakin orang itu mendapat kejayaan, mengecapai kekayaan, memperoleh kemenangan, pangkat dan kuasa, semakin ia perlu lebih banyak menadah tangan berdoa kepada Allah. Berdoa bukan sekadar bermakna meminta dan memohon dari Allah, tetapi sebagai tanda syukur dan penghargaan kepada Allah. Allahlah yang memberikan kepadanya semua itu dengan kurniaan yang tidak terhingga.

Orang yang kaya, orang yang pandai, orang yang hebat, tetapi masih lagi boleh menadah tangan berdoa kepada Allah, itu tanda seseorang itu



bersyukur, merendah diri, tidak sompong dan mampu menurunkan egonya. Sebaliknya, orang yang jarang berdoa, malah langsung tidak berdoa, kalau doa pun acuh tidak acuh sahaja, itu merupakan tanda bahawa hatinya keras, kasar, bongkak, sompong dengan Allah SWT.

### Sidang Jumaat sekalian,

Realitinya, ramai di kalangan manusia yang hanya bersungguh-sungguh meminta atau berdoa kepada Allah, atau melakukan solat hajat berjemaah bila ada musibah, bila anak menghadapi peperiksaan, sakit, kena rasuk hantu dan sebagainya. Namun, apabila dalam keadaan senang, dia langsung melupakan Allah, melupakan rumah Allah, melupakan tanggung jawab yang diperintahkan kepadanya. Masjid dan surau bersebelahan rumahnya, langsung tidak dijenguk. Inilah sifat manusia seperti yang disebutkan oleh Allah dalam surah Hud ayat 9-10:

وَلِئِنْ أَذَقْنَا الْإِنْسَنَ مِنَا رَحْمَةً ثُمَّ نَزَعْنَاهَا مِنْهُ إِنَّهُ  
لَيَوْسُوْسُ كَفُورٌ ۝ وَلِئِنْ أَذَقْنَاهُ نَعْمَاءً بَعْدَ ضَرَّاءَ  
مَسَّتَهُ لَيَقُولَنَّ ذَهَبَ الْسَّيِّئَاتُ عَنِّي ۝ إِنَّهُ لَفَرِحٌ فَخُورٌ



"Dan demi sesungguhnya! Jika Kami rasakan manusia sesuatu pemberian rahmat dari Kami kemudian Kami tarik balik pemberian itu daripadanya, dia amat berputus asa, lagi amat tidak bersyukur. Dan demi sesungguhnya! Jika Kami memberinya pula kesenangan setelah ia menderita



kesusahan, tentulah ia akan berkata: "Telah hilang lenyaplah dariku segala kesusahan yang menimpaku". Sesungguhnya ia riang gembira, lagi bermegah-megah (kepada orang ramai).

Sedangkan, untuk lebih cepat doa kita dimakbulkan oleh Allah, kita dituntut berdoa ketika senang. Apabila kita kenal Allah ketika kita senang, maka Allah akan kenal kita ketika kita susah.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَرِهُ أَنْ يَسْتَجِيبَ اللَّهُ لَهُ عِنْدَ الشَّدَائِدِ  
وَالْكَرْبِ فَلَيُكْثِرِ الدُّعَاءَ فِي الرَّحَاءِ.

"Sesiapa yang ingin supaya Allah menerima doanya pada masa kesusahan dan malapetaka hendaklah ia sentiasa berdoa semasa senang dan ketika keadaan gembira."

(Riwayat at-Tirmizi).

Masalahnya, ramai yang berfikir bahawa doa itu adalah permintaan kepada Allah ketika susah sahaja, sedangkan dalam doa itu mengandungi pujian kepada Allah dan selawat kepada Rasulullah. Oleh sebab itu, semakin kita puji Allah, semakin doa itu bertambah baik kerana bila kita puji Allah dengan pujian yang tinggi, kita menggambarkan kekerdilan diri kita yang sangat tidak mempunyai apa apa nilai melainkan mengharapkan belas kasihan Allah.

**Sidang Jumaat sekalian,**



Menginsafi dan menyedari kelemahan dan kekerdilan diri kita di hadapan Allah SWT. Maka kita hendaklah;

1. Mengeratkan hubungan dengan Allah SWT setiap masa dan ketika seperti mendirikan solat Fardu dan solat-solat sunat yang lain.
2. Hendaklah sentiasa berdoa memohon sama ada di waktu senang ataupun ketika susah dan menjadikan doa itu sebagai amalan harian kita.
3. Orang-orang yang beriman hendaklah membuat pengakuan diri kepada Allah SWT kerana hakikatnya manusia sangat berharap kepada rahmat dan keampunan Allah SWT.
4. Orang-orang yang beriman seharusnya tidak mudah kecewa dan putus asa dengan musibah yang menimpa, sebaliknya redha dengan ketentuan yang diterima.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا تُنذَرُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ

الْحَمْدُ لِلَّهِ

"(Oleh kerana Allah Menguasai segala-galanya, maka) wahai umat manusia, kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah Dia lah sahaja yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji".

(Surah al-Fathir : 15).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَكُمْ بِأُقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjasaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ  
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman yang difatwakan sesat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.